

Aktiviti 2a]

Baca cerita, kemudian nyatakan nilai yang diperoleh berdasarkan frasa yang berhuruf tebal.

Sang Lebah dan Sang Kelulut

Pada suatu hari, Sang Lebah ke rumah Sang Kelulut. Dia melihat Sang Kelulut sedang bekerja dengan tekunnya.

"Hai, Sang Kelulut! Kecilnya sayap kamu. Kamu tentu kalah jika berlumba terbang dengan aku," kata Sang Lebah dengan sinisnya.



"Belum tentu kamu menang. Esok, kita berlumba. Tebuan boleh menjadi pengadilnya," kata Sang Kelulut.

Keesokan harinya, pertandingan diadakan. Sang Lebah terlanggar pokok kerana dia terbang terlalu laju. Sang Kelulut yang berada di belakang terus terbang ke arah Sang Lebah. Sang Kelulut **mengangkat Sang Lebah** lalu terbang ke arah tali garisan penamat.

Sejak hari itu, Sang Lebah **tidak sombong lagi**.

Nilai

1.
2.
3.
4.
5.



Minda murid membara penuh

Arahan : Pilih dan tarik nilai murni yang sesuai dengan cerita.

Bersungguh-sungguh

Rajin berusaha

Membuang masa

Adil

Maaf memaafi

Merendah diri

Pengotor

Bantu membantu

Sombong

Aktiviti 2b)

Baca cerita, kemudian kenal pasti dan yang diperolehi.

Harga Segelas Susu

Pada suatu hari, Farhan berasa dahaga selepas berjaja kuih dengan ibunya. Farhan meminta segelas air di sebuah rumah. Seorang kanak-kanak perempuan memberinya segelas susu. Farhan ingin membayar harga susu itu tetapi ditolak.

Kini, kanak-kanak perempuan itu telah dewasa dan menjadi gadis yang cantik. Tiba-tiba, dia dijangkiti penyakit kulit dan tiada doktor yang mampu memulihkan penyakitnya.

Pada suatu hari, dia menjalani rawatan di sebuah hospital pakar sehingga pulih. Dia susah hati tentang kos rawatannya.

Sebelum keluar dari hospital itu, dia menerima sampul surat pembayaran bil daripada doktor yang merawatnya. Apabila dibuka, ada sekeping kad yang tercatat "Inilah Harga Segelas Susu".

Arahan : Pilih dan tarik nilai murni yang sesuai dengan cerita.

NILAI

Bantu membantu

Kedekut

Baik hati

Mengenal budi

Ikhlas

Merendah diri

Pemurah